

UMS berada pada kedudukan ke-211 di Asia

UB 29.11.2019 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) tersenarai pada kedudukan ke-211 di antara universiti di Asia berdasarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings: Asia 2020.

Menurut kenyataan Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) UMS, ranking itu yang diumumkan di laman web QS kelmarin sekali gus menyaksikan UMS di antara kedudukan 38% teratas daripada kalangan 557 buah institusi pengajian tinggi terbaik di Asia.


“Pencapaian ini adalah satu peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun 2019 iaitu pada kedudukan 41% teratas dan 53% teratas pada 2018.

“Ia merupakan hasil usaha penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan oleh semua pihak di UMS,” demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Kenyataan PPSKK juga memaklumkan, penilaian QS World University Rankings: Asia 2020 melibatkan 11 indikator, dan UMS telah menunjukkan prestasi

yang terbaik setakat ini dalam tiga indikator iaitu kakitangan akademik antarabangsa (international academic staff), pertukaran pelajar antarabangsa ke dalam universiti (inbound exchange students) dan rangkaian penyelidikan antarabangsa (international research network).

“UMS akan terus berusaha untuk mempertingkatkan kecemerlangan di peringkat global, dan menyasarkan untuk mencapai kedudukan 100 teratas (atau top 20%) di Asia dalam tempoh tiga tahun akan datang,” kata kenyataan itu.



TERSERGAM INDAH: Dewan Canselori UMS yang tersergam indah.